

Perlu ada sistem sokongan

LTAB tidak cekap: PM

Oleh Othman Mamat, Ahmad Zalni Kamaruzzaman dan Izman Ismail

JITRA, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, pengurusan Lapangan Terbang Antarabangsa Subang (LTAB) perlu memasang sistem radar sokongan di bilik kawalan trafiknya, sebagai langkah persediaan apabila berlaku kebakaran.

Menurut Perdana Menteri, pengurusan LTAB perlu menerima hakikat bahawa kakitangannya tidak cekap mengendalikan peralatan canggih di bilik kawalan itu dengan memasang sistem berkenaan.

"Kita mungkin perlu mengadakan sistem sokongan walaupun langkah itu adalah pengakuan bahawa kita tidak cekap (mengendalikan peralatan canggih).

"Kita memang patut mempunyai dua radar dan menggunakan satu daripadanya. Ini bermakna kita tidak yakin bahawa kita boleh menjaga (peralatan itu dengan baik)," katanya pada sidang akhbar di sini hari ini.

Terdahulu, Perdana Menteri yang melakukan lawatan sehari ke Kedah, merasmikan bangunan

walaupun kaedah itu memerlukan belanja yang mahal.

"Saya berpendapat kaedah itu lebih murah berbanding kerugian yang terpaksa ditanggung apabila berlaku kebakaran. Mereka juga sepatutnya belajar cara mengelakkan kebakaran setelah mengalaminya beberapa kali.

"Kalau kita tahu kebakaran berlaku kerana litar pintas, ia bukannya tidak boleh diatasi. Di negara kita ada kilat dan guruh, jadi kita perlu tahu tindakan untuk mengelakkannya dan jika disebabkan sabotaj, kita mesti tahu cara mengelakkan perbuatan itu," katanya.

Dr Mahathir kesal kerana kakitangan LTAB tidak cekap mengurus dan menyelenggara peralatan canggih walaupun sebelum itu mereka meminta peralatan seperti itu dipasang.

Beliau berkata, sepatutnya kakitangan LTAB memberi perhatian terhadap aspek keselamatan, bukan sekadar untuk menyelamatkan nyawa bahkan memastikan kebakaran tidak berlaku

Perpustakaan Awam Jitra di Jalan Changlun, di sini dan meletakkan batu asas Menara Alor Star di Alor Star.

Dr Mahathir berkata, pengurusan LTAB juga perlu melakukan pemeriksaan berkala di bilik kawalan trafiknya selain belajar kaedah mengelakkan kebakaran dengan mengenal pasti punca kejadian itu.

Menurutnya, pemeriksaan di bilik kawalan trafik perlu diadakan setiap enam bulan atau setahun sekali lagi memastikan sistem pendawaian sentiasa berkeadaan baik.

"Kita perlu tahu apa punca litar pintas dan mesti tentukan pendawaian tidak akan menyebabkan kejadian itu. Bila sistem wayar sudah berkarat... sudah lama dan tidak baik, kita harus periksa," katanya.

Pardana Menteri berkata, pengurusan LTAB juga perlu menyediakan sistem penyelenggaraan positif dan bukan penyelenggaraan pasif bagi mengelakkan kebakaran

sama sekali.

"Ini disebabkan kurang kecekapan. Mereka mahukan kerajaan membeli peralatan yang terbaik, terancang tetapi apabila dipasang, penjagaannya nampak lemah. Kita harap semua pihak memberi tumpuan untuk mengelakkan kebakaran," katanya.

Menjawab soalan, Dr Mahathir percaya peralatan di bilik kawalan trafik tidak dipasang dengan sempurna menyebabkan sistem penggera tidak berfungsi sehingga tiada orang yang tahu mengenai kebakaran itu.

Beliau juga berkata, pertukaran pegawai tinggi di LTAB tidak mendinginkan kesan selagi budaya tidak mengambil berat dan tidak mempedulikan masih wujud sehingga kebakaran boleh berulang.

Menurutnya, kejadian itu menjejaskan imej negara dan semua pihak sepatutnya mengambil berat mengenai perkara

LIHAT MUKA 2

LTAB tidak cekap: Mahathir

DARI MUKA 1

itu bagi memastikan kejadian seperti itu tidak berulang pada masa depan.

Beliau juga sedih kerana tidak diberitahu maklumat awal mengenai kebakaran di bilik kawalan trafik LTAB yang menempatkan radar berharga RM16.5 juta di Bukit Subang, dekat terminal tiga, Sabtu lalu.

"Saya tidak tahu sama ada pihak tertentu cuba menyembunyikan kejadian itu tetapi hakikatnya saya cuma mendapat maklumat begitu lewat sedangkan perkara ini amat besar," katanya.

Ditanya mengenai kemungkinan kerajaan akan mendapatkan penjelasan kenapa maklumat awal tidak disampaikan kepada beliau, Dr Mahathir berkata, terpulang kepada Kabinet untuk membuat keputusan.

Sementara itu, Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, pernah mengumumkan cadangan jawatankuasa penyiasat kebakaran di LTAB Subang pada 1992 supaya DCA menyediakan pelan kontijensi bagi menghadapi kejadian tidak diingini.

Beliau mengumumkan cadangan itu selepas menara kawalan LTAB musnah dalam kebakaran pada 1992 sehingga menyebabkan penerbangan domestik dan antarabangsa terjejas.

Katanya, penangguhan penerbangan di LTAB sekarang mungkin dapat dielakkan jika DCA mempunyai pelan kontijensi termasuk kelengkapan sistem sokongan bergerak yang beroperasi menggantikan fungsi radar sedia ada.

"Kelengkapan sistem itu sepatutnya sudah dimiliki DCA kerana ia diumumkan sejak dua tahun lalu. Kita kurang pasti sama ada DCA mempunyai kelengkapan sistem sokongan bergerak itu atau tidak. "Jika tidak, ia patut dikesali kerana pernah dicadangkan oleh jawa-



tankuasa penyiasat yang dilantik oleh kerajaan untuk mengenal pasti punca serta langkah mengatasi kebakaran.

"Sistem yang sama turut dicadangkan dipasang di semua lapangan terbang seluruh negara, tetapi kita tidak mengetahui sama ada pihak berkenaan sudah berbuat demikian atau tidak," katanya.

Sistem radar di LTAB musnah kali kedua dalam tempoh dua tahun apabila bilik kawalannya terbakar Sabtu lalu. Ia memusnahkan radar jenis CSF-Thomson bernilai RM16.5 juta. Kelengkapan baru dijangka tiba enam bulan lagi.

Dr Ling berkata, kos pemasangan sistem sokongan bergerak adalah lebih murah berbanding pemasangan sistem sokongan di Pusat Kawalan Trafik Udara di mana-mana lapangan terbang.

Katanya, kebakaran yang berpunca daripada sistem elektrik di LTAB juga tidak sepatutnya berlaku jika pemasangan semula keseluruhan pendawaian di bernilai RM4 juta dilaksanakan dengan sempurna.

"Sabotaj juga tidak dapat diterima kerana Malaysia Airports Berhad menjanjikan empat langkah baru untuk meningkatkan keselamatan LTAB, termasuk membaiki pagar keselamatan, mempelbagai rondaan, pemeriksaan rapi terhadap pekerja dan penggunaan pas keselamatan pelawat," katanya.